

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (50)



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 7 TAHUN 2024

SASARAN PENJANAAN PENDAPATAN TAHUN 2024 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Bendahari

2 April 2024

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (50)

2 April 2024

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 7/2024

SASARAN PENJANAAN PENDAPATAN TAHUN 2024 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Sasaran Penjanaaan Pendapatan Tahun 2024 Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Kewangan telah memperakukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2024 bagi UTeM keseluruhannya dengan anggaran sebanyak RM229,434,800 iaitu kesemuanya bersumber daripada geran Kerajaan untuk membiayai perbelanjaan mengurus tahun 2024. Kurangan sebanyak 23.52% akan menggunakan Rizab Universiti iaitu sebanyak **RM70,565,200** daripada keseluruhan permohonan berjumlah RM300,000,000.
- 2.2 Rizab Universiti adalah disalurkan kepada item yang tiada peruntukan dari Kementerian Kewangan Malaysia tetapi amat diperlukan oleh Universiti bagi tujuan pengoperasian. Penjanaaan pendapatan pada tahun semasa adalah diperlukan untuk menampung penggunaan Rizab Universiti.

- 2.3 Di dalam menampung semula rizab yang digunakan Sasaran Penjanaan Pendapatan Bagi Tahun 2024 dengan jumlah sasaran keseluruhan **RM79.53 juta** telah dibentangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 1 Tahun 2024 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 2 Tahun 2024 dengan pindaan.

3.0 SASARAN PENJANAAN PENDAPATAN TAHUN 2024

- 3.1 Di dalam memastikan Pusat Tanggungjawab (PTj) termasuk Fakulti untuk turut sama membantu meningkatkan hasil pendapatan Universiti, penetapan **sasaran penjanaan pendapatan bagi setiap PTj** telah mula dilaksanakan semenjak tahun 2016.
- 3.2 Penetapan sasaran penjanaan pendapatan tahun 2024 adalah berdasarkan perkara berikut:-
- 3.2.1 sasaran penjanaan 2024 adalah berdasarkan prestasi penjanaan tahun 2023.
 - 3.2.2 sasaran kenaikan sebanyak 10% dari hasil 2023.
 - 3.2.3 sasaran minima penjanaan PTj adalah RM5,000.
 - 3.2.4 hasil pendapatan dipusatkan yang dijana oleh Universiti melalui PTj akan berkurangan kerana, 70% akan menyumbang kepada Universiti dan 30% akan menyumbang kepada Tabung Pengurusan PTj.
 - 3.2.5 hasil pendapatan yang dijana oleh PTj 30% akan menyumbang kepada Universiti, 40% kepada Tabung Pengurusan PTj dan 30% kepada Tabung Kewangan PTj.
 - 3.2.6 Tabung Pengurusan PTj merupakan inisiatif baharu untuk menggalakkan aktiviti penjanaan di semua peringkat.
- 3.3 Berdasarkan penetapan di atas, sasaran penjanaan pendapatan pada tahun 2024 diunjurkan kepada Pusat Tanggungjawab seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Sasaran Penjanaaan PTJ Tahun 2024

PTj	Sasaran Hasil Tabung Kewangan (RM)	Sasaran Hasil Tabung Pengurusan (RM)	Sasaran Hasil Universiti Dipusatkan (RM)	Sasaran Keseluruhan 2024 (RM)
FTKEK	2,337.57	5,121.80	7,016.01	15,164.69
FTKE	14,212.52	31,140.81	42,657.67	92,202.00
FTKM	2,723.23	5,966.82	8,173.55	17,666.63
FTKIP	807.43	1,769.14	2,423.43	5,000.00
FTMK	2,340.51	5,128.26	7,024.85	16,702.17
FPTT	11,752.44	25,750.57	35,273.96	83,866.79
IPTK	807.43	1,769.14	2,423.43	5,000.00
CANSELORI	817.45	6,774.91	14,082.39	21,674.74
PEJ. TNC (A&A)	188.57	1,562.86	3,248.57	5,000.00
PEJ. TNC (P&I)	12,555.58	104,059.11	216,298.38	332,913.07
PEJ. TNC (HEP)	30,255.20	250,751.43	521,214.58	802,221.20
RICE	554.95	4,599.35	9,560.25	14,714.54
PEJ. PENG. FASILITI	11,345.87	94,033.17	195,458.34	300,837.38
PEJ. PENG. PEMBANGUNAN	4,298.75	35,627.52	74,055.73	113,982.00
PENDAFTAR	17,761.43	147,204.58	305,981.00	470,947.02
BENDAHARI	24,354.27	201,845.26	419,557.70	645,757.24
LAMAN HIKMAH	748.09	6,200.08	12,887.56	19,835.74
PEJABAT CIO	188.57	1,562.86	3,248.57	5,000.00
SPS	1,288.94	10,682.58	22,204.93	34,176.45
PUSAT ISLAM	188.57	1,562.86	3,248.57	5,000.00
PPB	188.57	1,562.86	3,248.57	5,000.00
JUMLAH	139,715.94	944,675.97	1,909,288.05	3,012,661.66

3.4 Sasaran Penjanaan Pendapatan Keseluruhan Tahun 2024 adalah **RM79.53 juta** seperti jadual berikut:

Butiran	Sasaran 2023		Sasaran 2024		Peningkatan Sasaran 2024 Berbanding 2023
	(RM) Juta	%	(RM) Juta	%	%
Yuran Pelajar (Pra Siswazah)	40.14	63.48%	46.62	58.62%	16.14%
Yuran Pelajar (Pasca Siswazah)	9.34	14.77%	10.67	13.42%	14.23%
Keuntungan Deposit Tetap	9.28	14.68%	11.23	14.12%	21.01%
Dividen dan Hasil Anak Syarikat	3.50	5.54%	8.00	10.06%	128.57%
Lain- lain Penjanaan PTJ	0.97	1.53%	3.01	3.78%	210.30%
Jumlah Keseluruhan	63.23	100%	79.53	100%	25.77%

3.5 Sasaran tahun 2024 disebabkan pertambahan unjuran enrolmen pelajar, simpanan tetap, dividen anak syarikat dan lain-lain penjanaan PTJ seperti berikut:-

3.5.1 Peningkatan hasil yuran pelajar bagi tahun 2024 berbanding tahun 2023 seiring unjuran enrolmen terkini dari tahun 2023 hingga tahun 2030 oleh Pejabat TNCAA. .

3.5.2 Keuntungan deposit/pelaburan adalah berdasarkan sasaran yang ditetapkan pada 5ST Tahun 2023–2025 serta tertakluk kepada situasi ekonomi semasa pada keadaan normal.

3.5.3 Sasaran untuk dividen syarikat induk adalah berdasarkan Pelan Strategik Kumpulan UTeM Holdings Tahun 2021-2025 yang diluluskan Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

3.5.4 Sasaran 2024 untuk *Profit Centre* dan *Cost Centre* adalah berdasarkan analisa pencapaian penjanaaan pendapatan tahun 2023.

4.0 PENGAGIHAN HASIL PENDAPATAN YANG DISUMBANG OLEH PTJ

4.1 Pejabat Bendahari akan mewujudkan Tabung Pengurusan PTj untuk setiap PTj dan Ketua PTj adalah Pihak Berkuasa Melulus sebagai inisiatif penjanaaan pendapatan tahun 2024.

4.2 PTj yang menjana pendapatan melalui hasil yang dipusatkan dan inisiatif PTj akan dapat meningkatkan dana Tabung Pengurusan PTj yang dapat diguna semula untuk menampung perbelanjaan berikut:

- i) Penyelenggaraan kemudahan ruang, fasiliti dan peralatan
- ii) Pembelian aset
- iii) Menampung ketidakcukupan bajet mengurus dan perbelanjaan bajet mengurus yang tidak diperuntukkan

4.3 **Hasil pendapatan yang dijana daripada inisiatif PTj** pada tahun 2024, akan menyumbang sebanyak **30% kepada Tabung Kewangan PTj, 40% kepada Tabung Pengurusan PTj** dan **30% kepada hasil Universiti** bagi aktiviti penjanaaan pendapatan yang dilaksanakan oleh PTj

4.4 Penjanaaan **hasil Universiti yang dipusatkan** akan berkurangan kerana **30%** hasil dipusatkan akan disumbangkan ke **Tabung Pengurusan PTj**.

- 4.5 Penjanaan **Hasil Tabung Kewangan PTj** juga akan berkurangan kerana **40%** hasil Tabung Kewangan PTj akan sumbangkan ke **Tabung Pengurusan PTj**.
- 4.6 Bagi hasil sewaan yang dipusatkan, yang dijana PTj akan diagihkan kepada tabung kewangan sekiranya terdapat *mark-up* sewaan, manakala hasil sewaan utama akan mengikut agihan 30% ke Tabung Pengurusan PTj dan 70% ke Hasil Universiti.
- 4.7 Perincian hasil yang akan diagihkan kepada PTj dan Universiti atau dipusatkan sebagai hasil Universiti mengikut inisiatif penjanaan adalah seperti di **Lampiran 1**.

5.0 PERATURAN KEWANGAN YANG TERKAIT DENGAN SASARAN PENJANAAN PENDAPATAN TAHUN 2024

- 5.1 Berdasarkan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU), Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab C Pengurusan Akaun Amanah Para 1.4 :
- 5.1.1 Ketua PTj boleh menetapkan sebarang perbelanjaan daripada Tabung Kewangan PTj termasuk perbelanjaan melibatkan operasi/ mengurus PTj dan terhad kepada Vot 20000 (Perkhidmatan dan Bekalan) serta pembelian aset dibawah Vot 30000 (jika perlu)
- 5.1.2 Sebarang permohonan perbelanjaan/ penggunaan dari Tabung Kewangan PTj yang tiada dinyatakan Surat Ikatan Amanah, PTj hendaklah mendapat kelulusan Naib Canselor selaku Pihak Berkuasa Melulus.
- 5.2 Selaras sasaran penjanaan PTj bagi tahun 2024 iaitu pengagihan hasil 30% kepada Tabung Kewangan PTj dan 40% diagihkan kepada Tabung Pengurusan PTj dan 30% sebagai hasil Universiti bagi hasil inisiatif PTj,

kadar peratusan agihan hasil antara Universiti dan PTj seperti yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti dalam Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) adalah ditangguhkan pemakaian pada tahun 2024 atau sehingga terdapat pindaan yang diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti.

5.3 Sasaran penjanaaan PTj Tahun 2024 akan melibatkan peraturan dalam PKPU seperti berikut :

5.3.1 PKPU Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab C Pengurusan Akaun Amanah Para 6.5:

- i. kadar agihan baki tabung 50% kepada Universiti dan 50% kepada Tabung Kewangan PTj seperti yang digariskan dalam PKPU ditangguhkan; dan
- ii. dilaksanakan agihan hasil 30%, kepada Universiti, dan 30% kepada Tabung Kewangan PTj dan 40% kepada Tabung Pengurusan PTj daripada baki tabung.

5.3.2 PKPU Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab J Penjanaaan Pendapatan di bawah aktiviti perundingan bagi kadar agihan bayaran pengurusan kepada Universiti dan PTj adalah tertakluk kepada Dasar/Garis Panduan Perundingan semasa yang berkuatkuasa.

5.3.3 PKPU Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab J Penjanaaan Pendapatan di bawah aktiviti pengkomersilan, Program Pesisir, Program MBA adalah tertakluk kepada Garis Panduan semasa yang berkuatkuasa.

- 5.3.4 PKPU Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab J Penjanaan Pendapatan Para 5.1.9, PTj dibenarkan “mark-up” sehingga 50% daripada kadar sewaan seperti yang telah diluluskan Universiti. Pelaksanaan agihan hasil 30% dan 70% adalah berdasarkan jumlah harga termasuk “mark-up”
- 5.4 Pelarasan agihan hasil 30% kepada Hasil Universiti, 30% kepada Tabung Kewangan PTJ dan 40% kepada Tabung Pengurusan PTj dilaksanakan:
- 5.4.1 Di peringkat transaksi pengeluaran bil tuntutan/ inouis/resit rasmi/jurnal yang disediakan oleh Pejabat Bendahari
- 5.4.2 Bagi projek perundingan, pelarasan agihan hasil dilaksanakan setelah pelarasan lain-lain hasil universiti yang terdapat dalam projek perundingan telah selesai dibuat.
- 5.5 Sasaran Penjanaan Pendapatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka Tahun 2024 di Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu <https://pkpu.utem.edu.my/index.php/>

6.0 TARIKH KUATKUASA

- 6.1 Pelaksanaan Sasaran Penjanaan Pendapatan Tahun 2024 Universiti Teknikal Malaysia Melaka berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024 dan tertakluk kepada aktiviti penjanaan yang dilaksanakan oleh PTj pada tahun 2024 sehingga terdapat pindaan yang diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti

Sekian, Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

KAM/PKPU/2024

JADUAL AGIHAN HASIL

KATEGORI INISIATIF	PROGRAM	HASIL DIPUSATKAN 100% KEPADA UNIVERSITI (A)	HASIL DIPUSATKAN DIAGIH (30%:70%) (B)	HASIL INISIATIF PTJ DIAGIHKAN (30%:40%:30%) (C)
Program Akademik dan Penyelidikan	Program Akademik Dan Latihan			<ol style="list-style-type: none"> Seminar, persidangan, bengkel, kursus dll. Pesisir, MBA (<i>tertakluk kepada GP yang berkaitan</i>)
	Pengkomersilan dan Perundingan			<ol style="list-style-type: none"> Perlesenan dan Royalti (<i>tertakluk kepada GP Pengkomersilan</i>) Perundingan(<i>tertakluk kepada GP Perundingan</i>)
Penawaran Aset, Perkhidmatan dan Peralatan	Sewaan dan pajakan	<ol style="list-style-type: none"> Sewaan Asrama (dalam yuran pelajar) Sewaan Rumah Felo 	<ol style="list-style-type: none"> Sewaan Kafeteria Sewaan Mesin Layan Diri (Vending Machine) Sewaan Dewan Canselor Sewaan Kompleks Sukan dan kemudahan sukan Sewaan Kenderaan <i>Sewaan Jubah Konvokesyen</i> 	<ol style="list-style-type: none"> Sewaan Kemudahan/Peralatan (Makmal dan lain-lain) Sewaan jubah (luar) Sewaan bilik kuliah, ruang makmal, ruang terbuka dan lain-lain Sewaan Asrama (luar)

**Program Pesisir, MBA, Perlesenan dan Royalti dan Projek Perundingan adalah tertakluk kepada garis panduan yang berkaitan.*

JADUAL AGIHAN HASIL

KATEGORI INISIATIF	PROGRAM	HASIL DIPUSATKAN 100% KEPADA UNIVERSITI (A)	HASIL DIPUSATKAN DIAGIH (30%:70%) (B)	HASIL INISIATIF PTJ DIAGIHKAN (30%:40%:30%) (C)
Penawaran Aset, Perkhidmatan dan Peralatan	Perniagaan dan Perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Denda Kerja, Pembekalan dan Perkhidmatan 2. Gantirugi Pecah Kontrak 3. Pulangan Balik Bayaran Tahun-tahun Lalu 4. Pelbagai Terimaan dan Pelarasan Hasil 5. Bayaran diterima dari pelajar <ol style="list-style-type: none"> a) Bayaran proses dan perkhidmatan jubah b) Bayaran Album Ijazah Pelajar c) Bayaran Sujil dan Transkrip 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jualan Borang Tender/Sebut Harga 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jualan Buku/Modul/Jurnal 2. Percetakan 3. Denda dan Saman (Kolej Kediaman, Perpustakaan, Pejabat Keselamatan, Kad Matrik dll) 4. Jurugambar konvo/majlis
	Aktiviti Pengurusan Kewangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelupusan Aset 		
	Aktiviti Pengurusan Kewangan Dan Pelaburan	Pelaburan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Deposit Tetap 2. Emas 3. Ekuiti 4. Lain-lain Pelaburan Jangka Pendek dan Jangka Panjang 5. Keuntungan/ faedah Akaun Semasa 	
	Anak Syarikat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dividen dan Yuran Pengurusan 		